

# IQRA'



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**BULETIN PERPUSTAKAAN USIM**

Isu No. 4

November 2008

ISSN 1986-174X

<http://lib.usim.edu.my>

**SELAMAT DATANG**  
**ke Bangunan Baru**  
**Perpustakaan USIM**

**Menarik di Dalam**

**Maklumat**  
**Pangkalan Data**  
**Atas Talian : CLJ Law**

**Anugerah**

**Perkhidmatan**  
**Cemerlang 2007**

**BERITA**

**Program Gerakan**  
**Membaca 2008**

ISSN 1985-174X



9 771985 174000



# Kata-kata aluan Editor

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

Penerbitan buletin kali ini dibuat di celah-celah kesibukan pihak Perpustakaan menganjurkan *World Congress of Muslim Librarians & Information Scientists 2008* (wCOMLIS2008) serta kesibukan mengemaskan barang-barang Perpustakaan untuk dipindahkan ke bangunan baru kami.

Justeru, walaupun bahan-bahannya telah disediakan lebih awal, penerbitannya tertangguh untuk tempoh lebih daripada sebulan. Namun saya fikir isinya tetap relevan untuk dihidangkan kepada para pembaca budiman.

Buletin kali ini adalah bilangan yang ketiga untuk tahun ini dan merupakan langkah awal untuk kami menerbitkan buletin *Iqra'* pada masa-masa akan datang sebanyak 3 kali setahun.

Kandungan buletin pada kali ini memuatkan sebahagian berita-berita dan gambar-gambar semasa aktiviti Program Gerakan Membaca 2008, di mana kebanyakan aktiviti telah dijalankan sepanjang bulan Ogos dan September lalu. Pihak Perpustakaan mengharapkan agar penganjuran aktiviti-aktiviti seperti ini akan merapatkan lagi hubungan di antara warga USIM dengan pihak Perpustakaan, sekali gus menaikkan minat mereka untuk mengunjungi Perpustakaan dan menerokai khazanah yang terdapat di dalamnya.

Selamat membaca dan sekiranya anda mempunyai sebarang pandangan terhadap buletin ini, sila hubungi kami di alamat yang disediakan.

Terima kasih atas kesudian anda menatap Buletin ini. Wassalam.

NOR AZZAH MOMIN  
*Editor*

## ***Sidang Redaksi Buletin Iqra'***

**Penasihat/Ketua Editor :**  
Ketua Pustakawan

**Editor:**  
Pn. Nor Azzah bt. Momin

**Pengarang:**  
Pn. Hasmida bt. Saleh  
En. Mohd. Helmi b. Masor @ Mansor

**Pembantu Penerbitan :**  
Pn. Noor Faidza bt. Doriat  
Pn. Azreena Surya bt. Ahmad  
En. Mohd. Zulkarnain b. Shahdan

**Wartawan:**  
Pn. Wan Azura bt. Radzuan  
Pn. Nur Zuhaini bt. Yahya

**Jurugambar:**  
En. Hasrizal b. Yahya

**Pemasaran/Edaran:**  
Cik Aishahtun bt. Abd. Majid  
Cik Suharti bt. Tulos @ Abd Jalil



Buletin IQRA' diterbitkan setiap enam bulan sekali mulai Jun 2007. Buletin ini memuatkan rencana, berita, ulasan buku dan bahan lain yang berkaitan dengan Jabatan perpustakaan USIM. Untuk sebarang maklumat lanjut, pertanyaan, komen atau cadangan, kiriman bahan boleh diajukan kepada:

Editor, Buletin IQRA'  
Perpustakaan,  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai,  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel. : 06-798 8301 / 8312  
Faks. : 06-799 3508  
E-Mel : su.perpustakaan@usim.edu.my  
norazzah@usim.edu.my

Diterbitkan oleh:  
Jabatan Perpustakaan,  
Universiti Sains Islam Malaysia.

# BENGGEL PENGKATALOGAN MESH NATIONAL LIBRARY OF MEDICINE DAN PENGGUNAAN MARC

Bengkel Pengkatalogan MESH National Library of Medicine & Penggunaan MARC anjuran Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dengan kerjasama Kumpulan Pustakawan Perubatan ini telah diadakan pada 23 - 24 Jun 2008 di Makmal Komputer Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Bengkel ini telah disertai seramai 33 orang peserta dari seluruh Perpustakaan Perubatan di Malaysia.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh En. Jasmin bin Jaimon iaitu Ketua Pustakawan USIM. Bagi majlis penutup pula, ia telah disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr. Nik Mohd Nasri bin Nik Ismail, iaitu Dekan FPSK USIM. Sekalung tahniah kepada semua AJK dan terima kasih kepada peserta yang terlibat dalam menjayakan bengkel ini.

## Kumpulan EPITOME

## Naib Johan KIK 2008



### Fakta Kumpulan:

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dari Jabatan Perpustakaan telah memenangi tempat kedua dalam Konvensyen KIK 2008 peringkat USIM yang telah diadakan baru-baru ini. Pencapaian membanggakan ini ditambah lagi dengan kemenangan Puan Hasmida Saleh sebagai Fasilitator Terbaik dalam konvensyen tersebut.



Nama kumpulan :	EPITOME
Tajuk projek :	Meningkatkan Penggunaan OPAC di Perpustakaan
Fasilitator :	Puan Hasmida Saleh
Ketua Kumpulan :	En. Mohd Jamil Ahmad Mokhtor
Setiausaha :	Puan Rafeah Hassan
Ahli :	Puan Azreena Surya Ahmad
	Cik Nur Haizum Alias
	En. Hasrizal Yahya

# Pangkalan Data Atas Talian : CLJ LAW

Disediakan oleh: Rozana Kamdani

CLJ LAW adalah salah satu pangkalan data atas talian yang telah dilanggan oleh Perpustakaan USIM bagi memenuhi keperluan maklumat pengguna terutamanya warga Fakulti Syariah dan Undang-undang. Pangkalan data ini mengandungi pencarian kes-kes yang terkandung dalam *Malaysian Current Law Journal* (1981-kini) dan beberapa kes terpilih yang tidak terdapat di dalam jurnal tersebut, 'legislations', 'articles', 'practice notes' dan juga maksud sesuatu istilah perundangan. Ia boleh diakses melalui OPAC Perpustakaan USIM di URL <http://library.usim.edu.my/>.



Laman web OPAC Klik pada 'Online Databases'. Laman web Perpustakaan USIM akan tertera.


Laman web Perpustakaan USIM : Pilih 'CLJ Law' daripada senarai online databases yang disediakan. Laman web CLJ Law akan tertera.



## Cara-cara pencarian di CLJ LAW:

a) Masukkan ID dan kata laluan yang betul (Sila dapatkan di Perpustakaan)

b) 'Member's menu'




Isikan ID dan kata laluan di petak yang disediakan.




Pengguna perlu memilih menu yang dikehendaki. Kemudian, tekan 'search'


c) Pencarian kes, 'legislation', articles dan 'treaties'.  
Setiap bahagian mempunyai 'search screen' yang berbeza.



d) Pencarian maksud dan makna istilah perundangan.



e) 'Sign out'



**Pangkalan data-pangkalan data yang dilanggan**

- LexisNexis Lexis.com
- OGEL 1991-1978-6199
- nielsen
- EBSCO Research Databases
- LawNet
- e media
- ProQuest CSA
- Index Islamicus
- MPOS

# Pembacaan

Disediakan oleh : Jasmin Jaimon

**DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI**



**P**ara pelajar, selaku produk penting dalam sektor pendidikan perlu meningkatkan ilmu melalui pembacaan selain dari menerima ilmu melalui pengajaran di bilik kuliah, seminar atau bengkel. Proses pembacaan ini sering dianggap remeh bagi sesetengah pelajar. Perubahan minda serta dorongan dari pelbagai pihak di kampus akan mengubah senario minat pelajar dalam pembacaan.

Merujuk statistik peminjaman buku oleh para pelajar di USIM, didapati purata pelajar meminjam buku sebanyak 16 naskah saja untuk setahun. Kadar ini lebih rendah jika dibandingkan kadar pembacaan di kalangan penduduk Negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun atau Korea. Perkara yang menggembirakan ialah purata peminjaman buku ini lebih tinggi dari kadar pembacaan di kalangan penduduk Malaysia iaitu 2 naskah setahun. Ini menunjukkan ruang untuk meningkatkan kadar pembacaan di kalangan pelajar adalah baik dan boleh dipertingkatkan lagi.

Umumnya pelajar universiti membaca buku dengan tujuan untuk membuat 'assignment' yang diberikan oleh pensyarah atau untuk tujuan peperiksaan. Pembacaan

buku yang sedikit di kalangan pelajar ini menyebabkan perpustakaan universiti mempelbagaikan perkhidmatan bagi menarik lebih ramai pelajar membaca. Antara aktiviti yang masih dijalankan oleh perpustakaan universiti ialah perkhidmatan pendidikan pengguna dan menjalankan aktiviti bulan membaca. Kedua-dua perkhidmatan ini diadakan bagi merangsang minat membaca di kalangan pelajar. Dengan adanya perkhidmatan ini para pelajar lebih peka kepada kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan.

Selain daripada dua perkhidmatan di atas yang dapat membantu pelajar tentang kepentingan perpustakaan dalam memupuk minat membaca di kalangan pelajar, perpustakaan universiti juga menyediakan perkhidmatan rujukan yang bersifat 'hands on' kepada pelajar. Perkhidmatan ini boleh membantu pelajar dalam kemahiran pencarian maklumat atau membantu pelajar dalam memperkayakan perbendaharaan kata dalam mempelajari bahasa asing.

Pustakawan memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar untuk meningkatkan minat membaca. Pustakawan boleh menyediakan bahan

bacaan yang sesuai kepada pelajar yang disasarkan melalui pembelian bahan bacaan di perpustakaan. Walaupun pada dasarnya pemilihan bahan perpustakaan hanya dimonopoli oleh kakitangan akademik sepatutnya pustakawan harus peka tentang lain-lain bahan bacaan yang diperlukan oleh pelajar. Sikap sambil lewa dan tidak kreatif di kalangan pustakawan akan memburukkan lagi situasi pembacaan di kalangan pelajar. Pustakawan yang kreatif dan berkualiti dengan sedikit pengubahsuaian cara kerja dapat menarik lebih banyak pelajar menggunakan perpustakaan seterusnya dapat meningkatkan lagi kadar pembacaan di kalangan pelajar.

Bagi menarik lebih ramai pelajar menggunakan bahan perpustakaan, pensyarah boleh memainkan peranan yang penting. Bagi pelajar yang lemah dan jarang menggunakan bahan perpustakaan, pensyarah boleh memberi 'assignment' kepada pelajar tersebut berdasarkan buku-buku atau bahan perpustakaan sebagai kajian. Pensyarah juga boleh mengesyorkan kepada pelajar supaya membuat kupasan buku yang dianggap menarik seperti buku 'The Blue Ocean' yang perlu dibincangkan dan dikupas bagi meningkatkan minda pelajar tentang kualiti dan kejayaan dalam bidang pekerjaan.

Pelajar juga perlu digalakkan membaca buku-buku kejayaan individu dalam bentuk biografi. Buku-buku seperti ini mempunyai maklumat penulis tentang kejayaan individu tersebut di samping kata-kata perangsang yang akan dapat menaikkan semangat pelajar dalam menuju kejayaan.

Terdapat ramai juga di kalangan pelajar terutama di IPTA yang lemah dalam pengetahuan am. Perkara ini dapat diatasi jika kurikulum sesuatu program dapat menyelitkan maklumat tentang pengetahuan am. Sebagai contoh jika pelajar sains komputer sepatutnya maklumat tentang kejayaan beberapa individu yang mencipta beberapa sistem baru di Internet boleh menghasilkan pendapatan yang lumayan. Maklumat seperti individu yang pertama mereka perisian e-mel percuma di Internet telah menjadi jutawan dan syarikat yang mencipta enjin pencari secara merentas pelbagai pangkalan data dan pelbagai indeks telah berkembang dengan pesat. Maklumat seperti ini perlu diselitkan dalam kurikulum atau pelajar digalakkan mencari maklumat tersebut di perpustakaan.

Pelajar perlu mengubah sikap apabila sudah diterima masuk ke universiti. Terdapat

pelajar yang bersikap tidak mementingkan ilmu, keadaan ini harus dibendung oleh pihak pengurusan universiti. Masih ramai pelajar universiti yang terpengaruh dengan keadaan sekitar seperti politik, hiburan, fesyen dan amalan yang tidak sihat di kalangan masyarakat. Selain dari motivasi kepada pelajar, disiplin perlu diperketat di kalangan pelajar tersebut supaya pelajar dapat menerima hakikat bahawa universiti adalah tempat perkembangan ilmu dan memantapkan jati diri pelajar. Kefahaman pelajar terhadap kepentingan ilmu di universiti dapat meningkatkan kadar pembacaan di kalangan pelajar.

## KOMIK

Disediakan oleh : Azreena Surya



# Koleksi Malaysiana

Disediakan oleh :  
Hasmida Saleh

**K**oleksi Malaysiana merupakan salah satu koleksi yang terdapat di Perpustakaan USIM. Terdapat pelbagai nama telah diberikan untuk koleksi ini di perpustakaan-perpustakaan di Malaysia, namun objektif dan tujuan kewujudan koleksi tersebut adalah sama iaitu untuk penyimpanan, pemeliharaan dan penggunaan bahan-bahan yang berkaitan dengan Malaysia.

Mengikut definisi Dasar Malaysiana oleh Perpustakaan Negara Malaysia, "bahan Malaysiana adalah semua sumber perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan/atau semua sumber perpustakaan mengenai Malaysia yang diterbitkan di luar Malaysia dan/atau yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia tidak kira bentuk, bahasa, skrip atau tarikh dihasilkan". Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa bahan Malaysiana adalah bahan-bahan yang mempunyai maklumat berkaitan Malaysia, tidak kira bahan tersebut daripada zaman pra-sejarah atau pasca sejarah. Dasar yang digubal ini banyak memberi panduan kepada perpustakaan-perpustakaan yang ingin menubuhkan atau mewujudkan Koleksi Malaysiana di perpustakaan masing-masing, termasuk juga Perpustakaan USIM.

Setiap perpustakaan yang terdapat di Malaysia, tidak kira sama ada perpustakaan akademik, perpustakaan awam dan sebagainya, perlu memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk memperoleh dan mengumpul bahan-bahan berkaitan Malaysia, terutamanya bahan-bahan yang diterbitkan pada zaman pra-sejarah kerana maklumat-maklumat tersebut amat bernilai dan sukar diperolehi. Pada masa sekarang, perolehan bahan-bahan tersebut di Perpustakaan USIM adalah melalui aktiviti pembelian dan juga sumbangan bahan daripada organisasi luar. Perpustakaan perlu

mengambil inisiatif dan bergerak aktif dalam usaha mengesan, memperoleh dan mengumpul bahan-bahan agar dapat dijadikan rujukan dan penyelidikan oleh pengguna, serta dapat dijadikan warisan kebangsaan rakyat Malaysia. Hal ini tidak boleh dipandang ringan kerana perpustakaan sebagai pusat gedung ilmu dan penyebaran maklumat perlu menyediakan maklumat-maklumat dalam pelbagai subjek selaras dengan keperluan pengguna masa kini yang tiada batasan, serta mewujudkan perkongsian maklumat yang mesra pelanggan.

Oleh itu, dalam usaha mengumpul dan memelihara bahan-bahan Malaysiana, bangunan baru Perpustakaan USIM juga telah menyediakan satu ruang khas untuk menempatkan Koleksi Malaysiana ini. Ia akan ditempatkan di Aras 2 di mana para pengguna boleh mengakses bahan secara terbuka. Namun begitu, koleksi ini hanya boleh dirujuk di Perpustakaan sahaja namun tiada had masa. Perkhidmatan ini akan bertambah baik berbanding dengan penggunaan sekarang, di mana koleksi ini diletakkan di dalam Koleksi Khas yang berkonsepkan akses tertutup dan pengguna perlu mendapatkan bahan melalui kaunter Perpustakaan dan hanya boleh dipinjam selama 2 jam.

Nombor panggilan untuk bahan-bahan koleksi ini telah diberikan singkatan huruf "mal" di awalnya, contohnya mal BF24.3.C6.R654 2008. Tujuan diberi singkatan tersebut adalah supaya bahan-bahan tersebut dapat dikenal pasti lokasinya dengan cepat, terutamanya semasa proses penyusunan bahan, serta memudahkan pengguna mengakses bahan tersebut. Selain itu, bahan-bahan tersebut dapat dikumpulkan dan disusun secara sistematik tanpa bercampur aduk dengan koleksi lain. Penyediaan ruang khas untuk koleksi tersebut membuktikan bahawa bahan-bahan Malaysiana amat bernilai dan dijunjung tinggi selaras dengan tarafnya sebagai warisan intelektual, kesusasteraan dan kebudayaan Malaysia. Semoga usaha ini dapat membantu dalam memperkasakan bidang penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, khususnya mengenai topik-topik yang berkaitan dengan negara kita, **MALAYSIA**.



## Kakitangan Perpustakaan Menjayakan Perbarisan Kemerdekaan

**13 Ogos 2008** - Bersempena dengan bulan Kemerdekaan, pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengadakan perbarisan kemerdekaan peringkat Universiti.

Jabatan Perpustakaan telah turut sama menjayakan program tersebut dengan menghantar seramai 12 orang kakitangan untuk terlibat dalam perbarisan ini. Sebagai warga Perpustakaan yang dilahirkan di bumi bertuah ini, kami amat berbangga kerana dapat menyertai acara ini.

## HARI Q EKSPLOKORASI Q



Pasukan dari Jabatan Perpustakaan telah menewaskan 5 pasukan lain. Naib johan pula telah dimenangi oleh Pusat Pengurusan Ilmu & Teknologi Maklumat manakala tempat ketiga dimenangi oleh Jabatan Pendaftar.

**Tahniah** kepada semua pasukan yang bertanding.

Nama kumpulan – **Redah Jer!!**

Status – Johan kumpulan

Ketua kumpulan – Puan Norlaili Yusoff

Ahli – En. Muhammad Hafizi Ahmad

Ahli – En. Mohd Jamil Ahmad Mokhtor

Ahli – Cik Nur Haizum Alias

Ahli – Cik Diana Abd.Muez

## Lawatan Sambil Belajar ke Perpustakaan USIM

**Ogos 2008**- Perpustakaan USIM telah menerima 2 kunjungan lawatan sambil belajar dari pensyarah dan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Maklumat (Pengurusan Perpustakaan), Universiti Teknologi Mara (UiTM Cawangan Puncak Perdana). Lawatan pertama pada 12 Ogos 2008 jam 2.30 petang disertai oleh 35 orang pelajar bersama pensyarah pengiring Fakulti Pengurusan Maklumat iaitu En. Mad Khir Johari Abdullah Sani. Manakala pada 27 Ogos 2008 pada jam 10.00 pagi, En Zaihan Husin selaku pensyarah pengiring telah mengetuai sesi lawatan sambil belajar untuk kali kedua bersama 32 orang pelajar dalam bidang Pengurusan Perpustakaan. Pihak Perpustakaan USIM telah menerima baik sesi lawatan sambil belajar tersebut bagi memberi pendedahan kepada para pelajar berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran perpustakaan. Sesi taklimat telah disampaikan oleh En Ahmad Yazid Ahmad @ Abdul Rahman, Pustakawan di Unit Rujukan dan dibantu oleh En. Marzuki Ismail, Pembantu Perpustakaan Kanan, Unit Rujukan. Para pelajar juga telah didedahkan dengan teknologi RFID serta demonstrasi penggunaan mesin layan diri seperti SelfCheck dan BookDrop serta kemudahan-kemudahan ICT yang ditawarkan oleh Perpustakaan USIM. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar dan pertukaran cenderamata bagi kedua-dua pihak.

# Hari Mesra Pelanggan



# Taklimat ISO




# Lawatan Akademik

# UiTM





# Perkembangan Pembinaan Bangunan Perpustakaan



# Pengurusan Perpustakaan : Ortodoks Atau Moden

Disedhiakan oleh: Ahmad Yazid Ahmad @ Abdul Rahman

*Sambungan daripada keluaran yang lalu...*

## Aspek 4 : Kepimpinan

Aspek kepimpinan dalam pengurusan merupakan aspek yang penting untuk menentukan ortodoks atau modenya pengurusan sesebuah perpustakaan. Perubahan bermula dari kepimpinan, diturunkan kepada kakitangan lalu dilaksanakan mengikut acuan yang telah ditetapkan. Namun, bagaimana kalau kepimpinan hanya menunggu perubahan bukannya bertindak sebagai pencetus perubahan? Serta bagaimana pula jika sudah berlaku perubahan di persekitaran tetapi kepimpinan lambat bertindak untuk mengikut perubahan tersebut? Inilah antara fenomena yang berlaku jika kita mengkaji aspek kepimpinan dan kaitannya dengan pengurusan.

Secara lebih jelasnya, jika sesebuah perpustakaan mempunyai kepimpinan yang boleh menjangka dan bersedia untuk berubah serta opportunist maka pengurusan perpustakaan itu dianggap sebagai moden manakala jika kepimpinan hanya mendatar, menunggu perubahan datang, dan lambat bertindak balas dengan perubahan maka ia akan dianggap sebagai pengurusan yang ortodoks.

Dengan itu, kepimpinan yang baik perlu menjadi daya penggerak kepada perubahan positif dan perubahan itu perlu dilakukan mengikut masa dan keadaan. Barulah perpustakaan menjadi dinamik dan sentiasa respon terhadap persekitaran. Perhatian perlu diberikan khususnya terhadap kepesatan teknologi, sistem, sumber maklumat dan pangkalan data, serta pendekatan dalam mendekati

kakitangan kerana perpustakaan amat berhubungkait dengan perkara-perkara tersebut.

## Aspek 5 : Perkhidmatan dan produk

Perpustakaan adalah organisasi yang berasaskan kepada perkhidmatan secara umumnya. Dengan itu, aspek ini merupakan core business yang perlu diberi perhatian oleh pengurusan perpustakaan. Pengurusan yang moden meletakkan fokus khusus bagi perkhidmatan yang ditawarkan dan ia diperoleh daripada aktiviti risikan (intelligence) dan mestilah berorientasikan kepada pengguna. Perkhidmatan yang fokus membawa maksud memberikan perkhidmatan yang bersesuaian dengan kehendak pengguna dan setara dengan keperluan, fasiliti, kewangan, dan keupayaan kakitangan sesebuah perpustakaan. Ia bukan sekadar ikut-ikutan. Jika perpustakaan lain mempunyai satu-satu perkhidmatan khusus, maka kita juga akan menurutinya tanpa penganalisaan dilakukan terlebih dahulu. Lebih teruk lagi sekiranya perkhidmatan yang hendak ditawarkan itu disalah konsepkan oleh pengurusan perpustakaan atau dalam erti kata lain, berbeza daripada pandangan umum dan kefahaman perpustakaan lain. Ini akan memburukkan lagi keadaan. Kakitangan akan menjadi keliru dan perkhidmatan tersebut tidak mencapai tahap maksimum seperti yang diperlukan oleh pengguna. Ini hanya akan merugikan perpustakaan itu sendiri.

Oleh itu, dalam menentukan keboleh penawaran sesuatu perkhidmatan, perlu dilakukan risikan

berupa soal selidik, pemerhatian terhadap perpustakaan lain, serta menggerakkan kumpulan inovasi perkhidmatan dalam mencari kelainan. Kelainan itulah yang dicari oleh pengguna dan ia akan menjadi ikutan oleh perpustakaan lain.

Satu lagi aspek ialah menawarkan perkhidmatan yang bersesuaian dengan sumber sedia ada yang menjadi kekuatan organisasi. Sebagai contoh, kita dapati amat sukar sekali untuk memperoleh pangkalan data yang berkaitan dengan bahan-bahan Islam. Justeru, sesebuah perpustakaan Islam yang banyak bahan-bahan Islam boleh mendigitalkan dan membangunkan pangkalan data khas bagi membolehkan akses terhadap bahan-bahannya dilakukan. Setelah dihasilkan, produk ini boleh dijual melalui cara langganan mahupun jualan secara terus. Dari satu segi, perpustakaan ini telah mencipta kelainan dan menjana pendapatan yang sendiri. Jika dilihat, proses mewujudkan perkhidmatan ini dimulai dengan risikan, fokus terhadap keperluan pengguna, dan disudahi dengan penjaan pendapatan sesuai dengan kenyataan di awal tadi. Jika aspek ini dapat dilaksanakan, sudah pastilah pengurusan perpustakaan akan menjadi moden dan mengikut masa.

Sebaliknya, perpustakaan ortodoks hanya bertindak sebagai pengikut dan seringkali tidak fokus dengan keperluan pengguna. Ini menyebabkan perpustakaan tidak relevan dan obsolete atau

ketinggalan zaman. Kesannya, menggunakan tidak akan datang lagi ke perpustakaan terbabit lantaran tiada pembaharuan yang diperolehi dari sudut perkhidmatan dan produk.

## Aspek 6 : Pentadbiran

Pengurusan perpustakaan yang moden akan menitikberatkan pengurusan yang berkesan serta mengadaptasikan budaya korporat. Sebaliknya, perpustakaan yang ortodoks hanya mengadaptasikan budaya pengurusan yang tradisi dan diwarisi turun temurun tanpa ada ada pembaharuan. Secara umumnya, budaya korporat merupakan budaya kerja yang mengandungi unsur nilai dan norma baik yang dikongsi bersama oleh sesebuah organisasi. Ia harus ditunjukkan dengan jelas melalui pelaksanaan cara kerja serta penilaian yang dilakukan terhadap kerja terbabit. Selain itu, budaya korporat juga melibatkan jalinan hubungan pekerja secara dalaman mahupun secara luaran iaitu dengan pihak luar organisasi.

Pembinaan budaya korporat bukan mudah dan memakan masa yang panjang. Oleh itu, pengurusan perlu memainkan peranan yang penting dapat mengadaptasikan budaya ini. Pengurusan perlu melihat kepada beberapa faktor jika ingin menjayakan perubahan budaya korporat, antaranya ialah pertama, wawasan dan objektif yang jelas; kedua, iltizam daripada pengurusan tertinggi; ketiga, kepimpinan yang baik; keempat, perubahan yang menyeluruh; dan kelima, pemilihan kakitangan baru yang sesuai serta penamatan anggota lama yang mengekalkan budaya lama.

Berkaitan dengan aspek pentadbiran juga, sesebuah pengurusan perpustakaan boleh menjadi moden dengan mengamalkan pengurusan fleksibel atau anjal dalam apa jua keadaan manakala yang ortodoksnya mengamalkan pentadbiran yang statik sahaja. Fleksibel ini membawa pengertian yang besar seperti fleksibel dalam membuat keputusan, fleksibel dalam memberi arahan, fleksibel dalam menjatuhkan hukuman, serta pelbagai lagi. Dalam urusan sehari-hari, fleksibel membawa konotasi bahawa pihak pengurusan sentiasa berhemah dan mendengar pendapat kakitangan lain dalam apa jua yang dilakukan. Jika statik, pola pentadbirannya adalah berbentuk autokratik yang mana penetapan dilakukan secara bersendirian dan kakitangan perlu menurut sahaja keputusan yang diambil.

Ini mencerminkan dua keadaan yang berbeza dalam bentuk pentadbiran perpustakaan. Justeru, untuk menjadi sebuah perpustakaan yang kompetitif dan berdaya saing serta mempunyai pengurusan yang moden, budaya korporat dan fleksibel perlu diterapkan ciri-ciri fleksibel dalam organisasi dan jika tidak perpustakaan itu akan kekal sebagai perpustakaan yang

diuruskan secara ortodoks yang hanya mempunyai budaya kerja yang tradisi dan lama.

## Aspek 7: Pengawalan dan koordinasi

Dari sudut pengawalan dan koordinasi, pengurusan perpustakaan yang moden mengamalkan orientasi kerja yang berbentuk bimbingan serta bertindak sebagai fasilitator manakala bagi ortodoks, ia berbentuk arahan semata dan autokratik. Ia amat berkait rapat dengan aspek keenam yang telah dibincangkan di atas.

Bagi orientasi berbentuk bimbingan dan fasilitator, pihak pengurusan akan bertindak sebagai pemudahcara dan membantu kakitangan dalam melaksanakan kerja yang diberikan. Ini membentuk pertalian kemanusiaan yang rapat daripada pengurusan tertinggi sehinggalah kakitangan bawahan. Secara tidak langsung, memberikan motivasi terbaik kepada kakitangan bahawa pihak pengurusan tahu apa yang mereka lakukan dan sentiasa berkongsi pendapat, masalah, dan idea dalam menyelesaikan kerja. Pengawalan dan koordinasi bentuk ini amat disukai oleh kakitangan lantaran tiadanya jurang yang besar di antara satu-satu peringkat dalam organisasi.

Sebaliknya, orientasi berbentuk arahan semata tanpa tunjuk ajar dan panduan hanya akan mengundang kepada ketidakpuasan hati kakitangan serta memberikan kesan negatif akibat dari pengurusan berbentuk autokratik. Ia juga menidakkan peranan motivasi ke atas kakitangan khususnya dalam meningkatkan kualiti dan prestasi kerja.

## Kesimpulan

Bila disoal yang manakah lebih disukai, pengurusan ortodoks ataupun moden? Jawapan oleh semua orang semestinya moden. Tetapi adat dunia, bercakap lebih mudah berbanding mempraktikkannya. Justeru, semua pihak terutamanya pihak pengurusan perpustakaan, perlu mengambil perhatian tentang perkara ini. Kadangkala kita menginginkan pengurusan moden tetapi kaedah dan bentuk pengurusan kita lebih menjurus kepada ortodoks.

Penentuan dasar dan pegangan organisasi perlu dibina secara jelas supaya semua pihak memahaminya. Ini bukan menuding jari kepada satu-satu pihak, tetapi pihak pengurusan dan kakitangan perlu mengemblem tenaga dan bersatu semangat untuk menjadikan pengurusan perpustakaan sebagai moden serta mengelakkan terjerumus kepada pengurusan ortodoks.

**TAMAT**

PENYERTAAN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN DALAM PELBAGAI AKTIVITI LUAR

## KUMPULAN SMART TEAM USIM

Pada 11-13 Julai dan 25-27 Julai 2008, beberapa orang kakitangan Perpustakaan USIM telah menyertai Kursus Asas Pertahanan Awam Smart Team USIM yang diadakan di Pusat Pertahanan Awam (PUSPA), Seremban, Negeri Sembilan. Kursus ini diadakan sebanyak dua sesi bagi melayakkan ahli SMART TEAM USIM mendapat Sijil Asas Jabatan Pertahanan Awam Malaysia. Kakitangan Perpustakaan yang terlibat adalah En. Sanizan Sardzi, Cik Aishatun Abdul Majid dan Cik Siti Mastura Mat (kini bertukar ke Unit Sukan).

Sepanjang kursus berkenaan, mereka telah diberi taklimat mengenai kursus dan pengenalan kepada pertahanan awam dan undang-undang, diajar berkawad, fungsi dan tugas-tugas menyelamat, ikatan dan simpulan, menyelimut dan mengikat usungan melalui rintangan, pengenalan api dan alat pemadam api serta kimia, tatacara pengosongan bangunan dan tatacara melepaskan diri dari bangunan latihan simulasi menyelamat mangsa kebakaran. Sebelum upacara perasmian penutup kursus, mereka telah menjalani peperiksaan asas pertahanan awam di mana kesemua peserta telah lulus dengan jayanya. Dengan ini bermakna mereka layak berdaftar dengan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan layak menyertai usaha bantuan dan bencana di masa hadapan.

terbakar, serta

penutup kursus, mereka telah menjalani peperiksaan asas pertahanan awam di mana kesemua peserta telah lulus dengan jayanya. Dengan ini bermakna mereka layak berdaftar dengan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan layak menyertai usaha bantuan dan bencana di masa hadapan.

### PROGRAM GERAKAN MEMBACA 2008

## BENGKEL *SPEED READING*

Satu bengkel Speed Reading telah diadakan pada 3 September 2008 di Bilik Mesyuarat Utama FSU. Seramai 20 peserta telah menyertai bengkel ini. Pihak Jawatankuasa Gerakan Membaca 2008 telah menjemput seorang penceramah dari luar iaitu Tn. Haji Mohd Fauzi Shaffie untuk mengendalikan bengkel tersebut.

Di antara pengisian program adalah apa itu bacaan pantas dan apa latihan yang boleh membantu untuk seseorang membaca dengan pantas, membina rasa kesegeraan bila membaca dan pelbagai lagi pengisian yang menarik.

Pihak Perpustakaan telah mendapat banyak reaksi yang positif daripada para peserta berkenaan bengkel tersebut, di antaranya, "Bagus dan banyak maklumat yang dikongsi bersama", dan "Terima kasih kepada pihak perpustakaan kerana telah

mengambil inisiatif mengadakan bengkel yang amat bermanfaat ini."

Semoga semua peserta yang menghadiri bengkel ini dapat memanfaatkan semua ilmu yang telah dicurahkan.



## Klinik & Pertandingan Tulisan Khat

Bertempat di Bilik Mesyuarat Utama FKP, satu Klinik dan Pertandingan Tulisan Khat telah diadakan pada 19 September 2008. Seramai 36 orang peserta telah mengambil bahagian. Maklumat dan pengisian Klinik dan Pertandingan Tulisan Khat pada kali ini telah disampaikan oleh Ustaz Zawadi Che Seman. Klinik selama 3 jam ini telah banyak memberikan maklumat yang berguna kepada peserta. Banyak teknik-teknik yang dipelajari dan boleh digunapakai dalam penghasilan seni khat. Teknik-teknik yang baru dipelajari oleh para peserta kemudiannya dicurahkan semula dalam Pertandingan Tulisan Khat yang diadakan selepas itu. Ternyata hasil yang diberikan adalah amat memuaskan.

## PENYERTAAN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN DALAM PELBAGAI AKTIVITI LUAR

**KURSUS  
BTN**

**Jeram, Selangor, 13 Ogos 2008** - Beberapa orang kakitangan Jabatan Perpustakaan USIM telah menyertai Kursus Bina Negara di Kem Warisan Sembilang Resort, Sungai Sembilang Jeram, Selangor.

Kursus selama 5 hari itu telah disertai oleh kakitangan berikut:

Puan Norlaili binti Mohd Yussof @ Lamin	Pembantu Perpustakaan, Unit Terbitan Bersiri
Puan Azreena Surya binti Ahmad	Pembantu Perpustakaan, Unit Automasi
Cik Diana binti Abd Muez	Pembantu Perpustakaan, Unit Pembangunan Koleksi
En. Muhammad bin Abdullah	Pembantu Perpustakaan, Unit Sirkulasi
En. Muhamad Jamal Nasir bin Rasdi	Pembantu Perpustakaan, Unit Sirkulasi

# KAKITANGAN PERPUSTAKAAN MENYERTAI KURSUS INDUKSI

Beberapa orang kakitangan Jabatan Perpustakaan USIM telah menyertai **Kursus Induksi Umum dan Khusus** bagi Kakitangan Sokongan peringkat USIM. Kursus ini telah diadakan bermula pada 30 Jun hingga 11 Julai 2008 bertempat di Dewan Kuliah Sederhana, Fakulti Syariah & Undang-Undang, USIM.

Kakitangan Perpustakaan telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam kursus tersebut apabila salah seorang daripada mereka iaitu **En. Muhammad Abdullah** telah dipilih sebagai **Peserta Terbaik Kategori Peserta Lelaki & Peserta Terbaik bagi Pengucapan Awam**. Kursus tersebut telah disertai oleh kakitangan berikut:

En. Muhammad bin Abdullah	Pembantu Perpustakaan, Unit Sirkulasi
En. Muhamad Jamal Nasir bin Rasdi	Pembantu Perpustakaan, Unit Sirkulasi
En. Hasrizal bin Yahya	Pembantu Perpustakaan, Unit Arkib & Multimedia
Cik Diana binti Abd Muez	Pembantu Perpustakaan, Unit Pembangunan Koleksi



## **PANDUAN MEMILIH AGAMA**

Pengarang : Mohd Rosmizi Abd Rahman

Penerbit : PTS MILLENIA SDN. BHD.

Tahun : 2005

ISBN : 983-3372-01-5

Nombor Panggilan : BL80.2.M64 2005

Kesedaran beragama semakin meningkat di kalangan manusia abad ini. Namun begitu, masih ada yang tercari-cari agama yang benar walaupun sudah beragama. Buku ini menyediakan panduan umum bagi mengkaji dan memilih agama. Selain itu, ia membincangkan ajaran-ajaran utama pelbagai agama. Diterangkan dalam bahasa yang jelas, pendekatan yang sistematik, mudah difahami dan diikuti.

Buku ini dibahagikan kepada tiga bahagian yang merangkumi kepentingan beragama, agama-agama dunia dan panduan memilih agama. Antara tajuk-tajuk yang dibincangkan adalah:


Kenapa perlu beragama?

Keperluan dan kepentingan beragama.

Persamaan dan perbezaan agama.

Panduan memilih agama.

Buku ini sesuai dibaca oleh individu-individu yang mahu mengetahui serta mencari agama yang benar, tidak kira menganut agama apa sekalipun.



### *The Effectiveness of Academic Programmes at Higher Education Institutions Towards Lifelong Learning.*

Editors : Morshidi Sirat, et al.

Publisher : The National Higher Education  
Research Institute (IPPTN).

Year : 2007.

ISBN : 978983426623

Call Number : LB2361 .E34 2007

In Malaysia, the importance of lifelong learning has become an acceptable fact in contemporary era of the late 1990s and early 2000s, as the world faces the revolution in Information Technology and the globalisation of markets towards technological changes and the need to continuously acquire knowledge and skills to develop individual capacities to compete and to become more prevalent. To cater

to the needs, the Ministry of Higher Education (MoHE) is responsible for all Public Higher Education Institutions, Private Higher Education Institutions, Polytechnics, and Community Colleges which offer various programmes that can facilitate lifelong learning.

The primary objective of the research reported in this book is to explore students' perception towards the effectiveness of programmes offered at higher education institutions in Malaysia in facilitating lifelong learning. In particular, the study seeks to understand the perception of students towards course content, learning materials, the teaching and learning environment, the role of instructors, and the support extended. This will provide useful insights for the relevant parties to strategies appropriate initiatives to improve the current programmes offered by the higher education institutions.



**Language and Life**

Author : Nik Salida Suhaila  
Nik Saleh, Sapora  
Sipon, and Badrul  
Munir Muhammad Nur  
(editors).

Publisher : Penerbit Universiti  
Sains Islam Malaysia (USIM).

Year : 2007.

ISBN : 9789832950677.

Call Number : P51 .L36 2007

This book is a collection of essays from the consensus effort of a group of editors from Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) for the special publication in conjunction with the renaming of Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) to USIM.

The topics of the articles discussed in the book are very attractive since they compromise important issues on language and life. Such issues are always being conversed and trashed out in many seminars, conferences and even in daily life.

Apart from the contents, the presentation of the book is also enhanced as it considers readers with different language capabilities. The articles in the book are written in English, Malay and Arabic language according to the writers and content appropriateness.



**PENJENAMAAN HALAL :  
SATU PARADIGMA BARU**

Penyunting : Mohd Noorizzuddin  
Nooh.

Penerbit : Penerbit Universiti  
Sains Islam Malaysia (USIM).

Tahun : 2007.

ISBN : 9789832950578.

Nombor panggilan : HD9016.M4 .P46 2007

Buku ini adalah hasil garapan daripada kertas kerja Seminar Keusahawanan Islam (iCEPS2007) oleh beberapa orang pensyarah daripada beberapa universiti di Malaysia yang dianjurkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia. Kertas kerja yang dihasilkan bermatlamatkan untuk memperjuang dan memantapkan industri berasaskan halal di Malaysia. Artikel-artikel yang terkandung di dalam buku ini merangkumi isu-isu bermula dari penghuraian mengenai cara-cara menentukan makanan halal, peranan penyelidikan dan pembangunan produk halal, hinggalah ke isu dalam memperkasakan perusahaan kecil dan sederhana melalui pensijilan halal.

Objektif utama buku ini ialah untuk memberi maklumat kepada masyarakat mengenai industri halal di Malaysia dan peranan yang dimainkan di pentas dunia. Buku ini juga sesuai untuk khalayak umum yang ingin menambah ilmu pengetahuan mengenai bidang halal dan sebagai rujukan kepada masyarakat yang ingin tahu lebih lanjut mengenai industri halal dalam negara.



**THESES AND  
DISSERTATIONS :  
A GUIDE TO PLANNING,  
RESEARCH, AND WRITING.**

Authors : R. Murray Thomas and Dale L. Brubaker.

Publisher : Corwin Press.

Edition : 2nd Ed.

Year : 2008.

ISBN : 9781412951159

Call Number : LB2369 .T458 2008

This book is designed for graduate students who are preparing master's degree theses or doctoral dissertations. As the table of contents indicates, the book is organized according to stages of the research-and-writing process. However, even though the stages in the book are applicable in all academic discipline, the book's examples of topics and data-gathering methods are more directly associated with the social and

behavioral sciences than they are with the physical sciences and the art.

Therefore, students in the social and behavioral sciences-and in such allied fields as education, social work, and business, will find this book very useful to them. The writing style throughout the book is intentionally conversational, as if the authors who have a very long experience in this field were talking directly with the students.

Overall, the book will become good reference and will provide valuable information for the students who want to further their study in master's degree theses or doctoral dissertations.

# Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2007

**12 Ogos 2008** - Sempena Sambutan Bulan Q 2008, satu majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2007 telah diadakan di Dewan Kuliah Pusat 3. Seramai 72 orang kakitangan USIM telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2007.

Penerima anugerah dari Jabatan Perpustakaan adalah :

En. Marzuki Ismail	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Khas – Pekerti Terpilih
Puan Nor Azzah Momin	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
Puan Azreena Surya Ahmad	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
En. Mohd Jamil Ahmad Mokhtor	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
Puan Marhaniza Abdul Halim	Anugerah Perkhidmatan Terpuji
Puan Rafeah Hassan	Anugerah Perkhidmatan Terpuji
Puan Marfizah Md Zain	Anugerah Perkhidmatan Terpuji

Tahniah dan syabas diucapkan kepada yang berjaya. Semoga dengan anugerah yang diterima akan menyuntik semangat untuk terus berjaya!!





# Melangsungkan Perkahwinan

Tahniah kepada kakitangan Perpustakaan yang telah mendirikan rumah tangga bersama pilihan hatinya iaitu **En. Hasrizal Yahya, Pembantu Perpustakaan di Unit Arkib dan Multimedia**, bersama pasangannya, **Pn. Norhana Yaacob** pada 8 Ogos 2008. Moga rumah tangga yang dibina dirahmati Allah sentiasa.

## KELAHIRAN

### Cahaya Mata

#### Tahniah

kepada **Pn. Rafeah Hassan** dan pasangannya yang telah menyambut kelahiran cahaya mata perempuan bernama **Aqeela Insyirah Muhammad Halim** pada 19 September 2008.



### KAKITANGAN BARU PERPUSTAKAAN USIM



No.	Nama	Jawatan / Gred	Unit	Tarikh Lapor Diri
1.	Siti Nadzirah Saibani	Pembantu Perpustakaan / S17	Cawangan Pandan Indah	22.09.08
2.	Noorahzianti Arif	Pembantu Perpustakaan / S17	Unit Pembangunan Koleksi	06.10.08
3.	Mohamad Azhar Azhari	Pembantu Perpustakaan / S17	Unit Arkib & Multimedia	06.10.08
4.	Ahmad Farez Mustafa	Pembantu Perpustakaan / S17	Cawangan Pandan Indah	06.10.08
5.	Noor Juliana Hussain	Pembantu Tadbir Kesetiausahaan /N17	Unit Pembangunan Koleksi	07.10.08

### Perbandingan Perkhidmatan/Kemudahan di Bangunan Perpustakaan Sementara Dengan Bangunan Tetap Perpustakaan USIM

Bil	Perkhidmatan/Kemudahan	Bangunan Sementara		Bangunan Tetap	
		Unit	Kapasiti (orang)	Unit	Kapasiti (orang)
1.	Bilik Perbincangan	1	30	8	6 – 10
2.	Bilik Karel	-	-	29	1
3.	Bilik Transit Pensyarah	-	-	1	12
4.	Bilik Tayangan	-	-	2	98
5.	Bilik Audio	-	-	1	10
6.	Zon Multimedia	-	-	1	21
7.	Zon Internet	1	18	1	100
8.	Bilik Seminar	-	-	1	112
9.	Makmal Komputer	1	10	2	64
10.	Mesin 'SelfCheck'	2	-	6	-
11.	Mesin 'BookDrop'	1	-	1	-
12.	Mesin Fotostat	2	-	6	-
13.	OPAC	10	-	30	-
14.	Ruang bacaan	-	220	-	980

